

Pelbagaikan pasaran eksport: Pakar

Kuala Lumpur: Malaysia perlu menerokai perkongsian perdagangan baharu di negara lain sebagai langkah meningkatkan eksport negara termasuk mempelbagaikan pasaran eksport yang boleh mengurangkan kebergantungan kepada pasaran tradisional.

Profesor Madya dan Timbalan Dekan Sekolah Perniagaan dan Ekonomi Universiti Putra Malaysia (UPM) The Future Research, Profesor Madya Dr Anuar Shah Bali Mahomed berkata, eksport Malaysia yang mencatatkan penurunan 10 peratus atau RM13.2 bilion, kepada RM118.5 bilion pada Disember 2023, dipengaruhi oleh eksport lebih rendah di kebanyakan ne-

geri.

Katanya, antara faktor yang menyebabkan berlakunya kemerosotan eksport Malaysia bagi 2023 termasuk ketidaktentuan ekonomi global, keadaan cuaca yang melampau, kekurangan buruh dan cabaran dalam sektor komoditi.

“Situasi yang berlaku jelas memperlihatkan berlakunya peningkatan persaingan global dan Malaysia turut menghadapi persaingan sengit dalam sektor eksport utama antaranya seperti elektronik, minyak sawit dan getah dari

negara lain dengan kos pengeluaran yang lebih rendah hasil daripada kemajuan berasaskan kepada teknologi dan produktiviti.

“Langkah yang boleh diambil bagi meningkatkan eksport

Malaysia pada 2024 adalah dengan melaksanakan beberapa pendekatan

iaitu mempelbagaikan pasaran eksport Malaysia yang boleh mengurangkan kebergantungan kepada pasaran tradisional dengan menerokai perkongsian perdagangan baharu di negara lain.

“Selain itu, terdapat ke-

perluan untuk memperluas dan mempercepatkan pelaksanaan Ekonomi Digital secara menyeluruh yang akhirnya akan dapat membantu memanfaatkan perdagangan secara digital.

“Melalui ekonomi digital, penggunaan e-dagang dan strategi pemasaran digital boleh membantu pengeksport Malaysia mencapai pasaran dan pelanggan baharu,” katanya.

Menurutnya, inisiatif membangunkan infrastruktur dan perkhidmatan perdagangan digital penting untuk memanfaatkan pertumbuhan e-dagang merentas sempadan dan perlu dilaksanakan segera supaya dapat merancakkan ekonomi negara.

**“
Situasi berlaku
memperlihatkan
berlakunya
peningkatan
persaingan global
Dr Anuar**